



## PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan soal selidik berikut untuk mengumpul data berkaitan akses dan penggunaan telefon bimbit, e-dagang dan kadar kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan jalur lebar dan selular mudah alih seperti berikut:

- i. Kajian Pengguna Telefon Bimbit**
- ii. Kajian Pengguna e-dagang**
- iii. Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Jalur Lebar**
- iv. Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Selular Mudah Alih**

Soal selidik ini akan bermula dari 5 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Pungutan data akan dijalankan dari pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari, kecuali hari-hari kelepasan am negara dan Selangor.

Soal selidik ini akan dijalankan melalui sistem soal selidik dalam talian selamat MCMC, yang mana responden akan dipilih secara rawak untuk menyertai soal selidik ini. Responden yang terpilih akan menerima jemputan soal selidik ini melalui aplikasi WhatsApp dari MCMC. Responden yang bersetuju untuk mengambil bahagian kemudiannya akan diarahkan ke portal selamat MCMC untuk melengkapkan soal selidik. Senarai nombor telefon yang akan digunakan bagi soal selidik ini adalah seperti berikut:

- i. 017-7286262**
- ii. 017-3646262**

Responden dinasihatkan untuk TIDAK menjawab sebarang jemputan soal selidik selain daripada nombor telefon yang tertera di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada sebarang data peribadi akan dikutip seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, atau maklumat bank bagi soal selidik ini. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan.

Penyertaan adalah secara sukarela, walau bagaimanapun, kerjasama daripada responden amat dihargai. Sebagai penghargaan, MCMC akan memberikan e-baucar\* bernilai RM5 kepada 10,000 responden pertama yang melengkapkan soal selidik ini.

Sebarang penamatan dan/atau pelanjutan tempoh kajian akan diumumkan melalui laman sesawang MCMC: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my).

Garis panduan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik adalah seperti berikut:

### LANGKAH 1



Responden yang terpilih akan menerima jemputan soal selidik ini melalui aplikasi WhatsApp dari MCMC

Salam sejahtera,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), sebuah agensi kerajaan sedang menjalankan soal selidik berkaitan dengan penggunaan dan trend telefon bimbit di Malaysia. Pemberitahuan mengenai soal selidik ini telah disiarkan di laman sesawang MCMC dan Penyedia Perkhidmatan.

Anda telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan soal selidik ini, sila hubungi talian Pusat Soal Selidik MCMC di 03-8688 8594.

Sebagai penghargaan, MCMC akan memberikan e-baucar bernilai RM5 kepada 10,000 responden pertama yang melengkapkan soal selidik ini.

Sila balas "YA" sekiranya anda ingin menjawab soal selidik ini atau "TIDAK" jika sebaliknya.

### LANGKAH 2



Responden bersetuju untuk mengambil bahagian

Responden perlu membalas "YA".

### LANGKAH 3



Responden akan diarahkan ke portal selamat MCMC untuk melengkapkan soal selidik

Pautan, ID pengguna dan kata laluan yang unik bagi setiap responden akan diberikan

### LANGKAH 4



Responden perlu menjawab semua soalan sehingga tamat

Sila ikut semua arahan yang telah ditetapkan

### LANGKAH 5



Tekan butang "Hantar" untuk menghantar soal selidik yang telah dilengkapkan

Soal selidik berjaya dihantar

## **CARA MELINDUNGI DIRI DARI PANGGILAN SCAM**

- Anda perlu berwaspada penipu akan muncul sebagai penemu duga untuk memenangi kepercayaan anda.
- Sekiranya anda diminta untuk menyertai sebarang soal selidik dan berminat untuk menyertainya, anda tidak perlu menjawab soalan secara langsung. Sekiranya anda ragu-ragu, anda berhak untuk bertanyakan kepada penemu duga berkenaan organisasi, nama penuh dan kod penemu duga mereka. Kemudian, aturkan masa untuk mereka menghubungi anda semula.
- Sementara itu, hubungi nombor hubungan rasmi MCMC (03-8688 8000, u.p.: Jabatan Statistik dan Risikan Data) untuk bertanya akan kesahihan soal selidik tersebut. Sekiranya mereka menjawab tidak, atau jika MCMC tidak dapat mencari maklumat mengenai penemu duga, kemungkinan besar ini adalah penipuan.
- Jangan berikan nama penuh, nombor kad pengenalan, kad kredit atau akaun bank anda kerana MCMC tidak mengumpulkan sebarang maklumat peribadi bagi soal selidik ini.
- Sekiranya anda fikir anda telah memberikan maklumat akaun anda kepada penipu, segera hubungi bank atau institusi kewangan anda.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
**(u.p: Jabatan Statistik dan Risikan Data)**

Tel: +603 8688 8000

Fax: +603 8688 1000

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**